

KANDUNGAN

Rekod Pentaksiran Murid	v – vi	
Nota Ekspres (Bab 1- Bab 4)	N1 – N8	
Modul PBD	1 – 50	
BAB 1 Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan 1		
1.0 Pengenalan	1	
1.1 Tujuan Perniagaan	2	
1.2 Bentuk Pemilikan Perniagaan	3	
1.3 Bentuk-bentuk Perniagaan Lain	6	
1.4 Klasifikasi Perniagaan	8	
1.5 Skala Perniagaan	10	
1.6 Perkaitan antara Penawaran Barang dan Perkhidmatan, Bentuk Pemilikan, Klasifikasi dan Skala Perniagaan	10	
1.7 Perkembangan Sektor Perniagaan di Malaysia	11	
BAB 2 Trend Semasa dalam Perniagaan 12		
2.1 Peranan Kerajaan dalam Menangani Isu-isu Tempatan, Negara dan Serantau	12	
2.2 Trend Persekutuan Perniagaan	17	
BAB 3 Penetapan Visi, Misi dan Objektif Perniagaan 25		
3.1 Maksud Visi, Misi dan Objektif Perniagaan	25	
3.2 Perbandingan Visi, Misi dan Objektif Beberapa Perniagaan yang Berbeza	26	
3.3 Ciri-ciri Objektif Sesebuah Perniagaan	28	
3.4 Tujuan Penetapan Visi, Misi dan Objektif Perniagaan sebagai Panduan Perniagaan	32	
3.5 Menghasilkan Visi, Misi dan Objektif bagi Perniagaan Tertentu	33	
3.6 Kesan kepada Perniagaan Akibat Kegagalan Mencapai Matlamat dan Objektif	35	
3.7 Faktor yang Mempengaruhi Perubahan Visi, Misi dan Objektif Perniagaan	36	
3.8 Pencapaian Visi, Misi dan Objektif Perniagaan yang Dipilih	38	

REKOD PENTAKSIRAN MURID

PERNIAGAAN

Tingkatan 4

Nama: _____ Tingkatan: _____

BAB	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
1 TUJUAN PERNIAGAAN DAN PEMILIKAN PERNIAGAAN	TAJUK 1 Tujuan Perniagaan				
	TP1	Menyatakan tujuan perniagaan dan pemilikan perniagaan.	2 – 3, 6		
	TP2	Menerangkan perniagaan dari aspek penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan perniagaan, saiz, skala, dan klasifikasinya.	8 – 9		
	TP3	Membanding dan mengaplikasikan pengetahuan tentang pelbagai bentuk pemilikan perniagaan.	4 – 7		
	TP4	Menjelaskan dengan contoh sesuatu perniagaan mengikut penawaran barang dan perkhidmatannya, pemilikan, saiz, skala, dan klasifikasinya.	10		
	TP5	Menjelas dan merumuskan perkaitan bentuk pemilikan perniagaan dengan saiz, skala, dan klasifikasinya.	10		
	TP6	Menilai perkembangan sebuah perniagaan setempat berdasarkan aktiviti, bentuk pemilikan, saiz, skala dan klasifikasinya.	11		
Tahap Penguasaan Bab 1		TP 1	TP 2	TP 3	TP 4
2 TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN	TP1	Menyatakan peranan kerajaan dalam perniagaan untuk menangani isu tempatan, negara dan serantau.	12 – 13		
	TP2	Menerangkan pengaruh persekitaran perniagaan dan kepentingan peranan kerajaan terhadap perniagaan.	14		
	TP3	Menghuraikan dan mengaplikasikan kesan pengaruh persekitaran perniagaan dan peranan kerajaan terhadap perniagaan.	15, 18		
	TP4	Menganalisis faktor-faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.	19 – 20, 23		
	TP5	Menghubungkait persekitaran perniagaan dengan peranan kerajaan untuk menangani isu semasa perniagaan.	16		
	TP6	Menilai tindak balas organisasi perniagaan terhadap perubahan persekitaran.	21 – 22		
Tahap Penguasaan Bab 2		TP 1	TP 2	TP 3	TP 4
		TP 5	TP 6		

NOTA EKSPRES

BAB

1

▷▷ Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan

1.0 Pengenalan

- Perniagaan merupakan aktiviti jual beli barang atau perkhidmatan antara penjual dengan pembeli bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna serta bertujuan memaksimumkan keuntungan.
- Konsep asas perniagaan – Barang dan perkhidmatan, pertukaran nilai, keuntungan perniagaan, memuaskan keperluan dan kehendak pengguna, penjual dan pembeli, serta kontrak perniagaan.
- Aktiviti perniagaan boleh dibahagi kepada:
 - Aktiviti berdasarkan barang** seperti aktiviti ekstraktif, pengeluaran barang konsumen, barang industri, pembuatan, dan pemasangan.
 - Aktiviti berdasarkan perkhidmatan** seperti peruncitan, pemborongan, kewangan, profesional, dan perhotelan.

1.1 Tujuan Perniagaan

- Organisasi perniagaan bermotifkan untung (OBU) - Menawarkan barang dan perkhidmatan untuk mendapat keuntungan.
- Organisasi perniagaan bukan bermotifkan keuntungan (OBBU) - Menyediakan barang atau perkhidmatan kepada golongan tertentu, atau bertujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak ahlinya, atau mempromosi tujuan penubuhannya.

1.2 Bentuk Pemilikan Perniagaan

- Bentuk pemilikan perniagaan terdiri daripada:
 - Miliki tunggal**
 - Dimiliki dan dikawal oleh seorang individu.
 - Bersaiz kecil, mudah ditubuh dan diurus.
 - Perkongsian**
 - Kerjasama antara dua atau lebih individu bagi menjalankan perniagaan.
 - Jenis-jenis perkongsian ialah perkongsian biasa, perkongsian berhad, dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT).
 - Jenis rakan kongsi ialah rakan kongsi biasa, rakan kongsi aktif, rakan kongsi berhad, rakan kongsi lelap, dan rakan kongsi nominal (namaan).

(c) Syarikat berhad

- Keanggotaan terdiri daripada ahli lembaga pengarah dan pemegang saham.
- Syarikat Sendirian Berhad (2 - 50 orang) dan Syarikat Awam Berhad (2 orang – tiada had maksimum).
- Modal besar, liabiliti terhad, proses penubuhan rumit, dan beban cukai tinggi.

(d) Koperasi

- Ditubuhkan oleh sekumpulan individu secara sukarela untuk menjaga kepentingan dan kebajikan bersama.
- Koperasi dimiliki dan dikawal oleh anggota-anggotanya.
- Bilangan keanggotaan ialah sekurang-kurang 50 orang.
- Liabiliti terhad, pentadbiran secara demokrasi, dan tiada beban cukai.

1.3 Bentuk-bentuk Perniagaan Lain

- Bentuk perniagaan lain terdiri daripada:

(a) Francais

- Sebuah syarikat induk (francaisor) memberi hak kepada syarikat lain atau individu (francaisi) untuk memasarkan produk atau perkhidmatan tersebut berlandaskan suatu kaedah tertentu, di lokasi atau kawasan yang ditetapkan dan dalam jangka masa yang ditentukan.
- Francaisor memberikan hak untuk menggunakan imej, jenama, sistem operasi dan format perniagaannya kepada francaisi.
- Francaisi menjalankan aktiviti perniagaan mengikut peraturan dan sistem piawaian yang ditetapkan oleh francaisor.

(b) Usaha sama

- Dua atau lebih syarikat membentuk satu perikatan yang bertujuan untuk bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam tempoh masa tertentu.
- Usaha sama adalah bersifat sementara untuk tujuan menyempurnakan sesuatu kerja.
- Pemilikan usaha sama akan dikongsi bersama kedua-dua pihak berdasarkan pemilikan ekuiti, perkongsian modal, risiko, bahan mentah, pengalaman, aset-aset, hasil, dan perbelanjaan.



1.4 Klasifikasi Perniagaan

1. Perniagaan diklasifikasikan kepada:

(a) **Saiz perniagaan**

Klasifikasi Saiz	Kecil	Sederhana	Besar
Pengilangan	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM300 000 hingga kurang daripada RM15 juta. Bilangan pekerja tetap daripada 5 hingga kurang daripada 75 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta. Bilangan pekerja tetap daripada 75 hingga tidak melebihi 200 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada melebihi RM50 juta. Bilangan pekerja tetap melebihi 200 orang.
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM300 000 hingga kurang daripada RM3 juta. Bilangan pekerja tetap daripada 5 hingga kurang daripada 30 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta. Bilangan pekerja tetap daripada 30 hingga tidak melebihi 75 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan melebihi RM20 juta. Bilangan pekerja tetap melebihi 75 orang.

(b) **Sektor perniagaan**

- Sektor utama (primer) - Aktiviti mengekstraktif sumber semula jadi.
- Sektor kedua (sekunder) - Memproses bahan mentah menjadi barang siap atau barang separuh siap.
- Sektor ketiga (tertier) - Aktiviti membekalkan perkhidmatan daripada pengeluar terus kepada pengguna.

1.5 Skala Perniagaan



1.6 Perkaitan antara Penawaran Barang dan Perkhidmatan, Bentuk Pemilikan, Klasifikasi dan Skala Perniagaan

- Sesebuah perniagaan menjalankan aktiviti perniagaan dengan menawarkan barang atau perkhidmatan.
- Seseorang pemilik perlu menentukan jenis pemilikan yang ingin dijalankan. Jenis pemilikan perniagaan akan mempengaruhi saiz dan skala perniagaan. Perniagaan boleh dikategorikan mengikut skala domestik dan antarabangsa.
- Sesebuah perniagaan adalah terlibat dalam sektor perniagaan, iaitu sektor utama, kedua, dan ketiga.

4. Perniagaan boleh memasuki pasaran global dengan bantuan teknologi moden seperti e-dagang.

1.7 Perkembangan Sektor Perniagaan di Malaysia

- Selepas merdeka, penduduk Malaysia menjalankan aktiviti berdasarkan pertanian.
- Pada era 1990-an, kerajaan Malaysia menggalakkan rakyat menceburi sektor kedua.
- Menjelang abad ke-21, penekanan yang lebih tinggi kepada sektor perkhidmatan.

**BAB****2**

▷▷ Trend Semasa dalam Perniagaan

2.1 Peranan Kerajaan dalam Menangani Isu-isu Tempatan, Negara dan Serantau

1. Kerajaan membantu perniagaan bersaing pada peringkat domestik dan antarabangsa melalui:
 - (a) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
 - (b) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).
 - (c) Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).
 - (d) Bank Negara Malaysia (BNM).
2. Bank Negara Malaysia berperanan meningkatkan kestabilan kewangan negara dan mengawal selia sistem pembayaran negara.
3. (a) Peranan kerajaan pusat:

Aspek perundangan

- Penggubalan undang-undang.
- Perlindungan pengguna.
- Pelepasan cukai.

Aspek kewangan

Menyediakan sumber pembiayaan kepada perniagaan melalui agensi kerajaan.

Aspek perkembangan aktiviti perniagaan

- Aktiviti promosi.
- Aktiviti latihan dan pembangunan.
- Aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

- (b) Peranan kerajaan negeri:
 - Mewujudkan kawasan industri.
 - Mengeluarkan lesen.
 - Membuat promosi untuk menarik pelabur.
 - Membentuk syarikat kepentingan kerajaan seperti PKEN.
 - Memberi bantuan kepada usahawan baharu melalui PKEN.
- (c) Peranan pihak berkuasa tempatan:
 - Menggubal undang-undang kecil perniagaan.
 - Menyediakan kemudahan awam.
 - Mewujudkan pusat perniagaan.
 - Mengawal tahap kesihatan awam dan keselamatan.

- Melaksanakan tanggungjawab sosial.
- Memantau keselamatan bangunan.
- Merangka dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan tempatan.

Peranan kerajaan dari aspek pertumbuhan ekonomi

1. Mempelbagaikan kegiatan ekonomi dalam peringkat tempatan.
2. Melaksanakan dasar fiskal dan dasar kewangan dalam peringkat negara.
3. Menyediakan galakan dan bantuan dalam peringkat serantau untuk menggalakkan perniagaan mengeksport lebih banyak ke luar negara seperti eluan eksport.

Peranan kerajaan dari aspek guna tenaga

1. Sesebuah negara dianggap guna tenaga penuh jika kadar pengangguran kurang daripada 4%.
2. Kerajaan menangani isu pencapaian guna tenaga penuh dengan mempelbagaikan jenis perniagaan, mewujudkan peluang pekerjaan, dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.
3. Empat jenis pengangguran:
 - (a) **Pengangguran bermusim** – Berlaku apabila seseorang pekerja bekerja dalam jangka masa pendek pada setiap tahun. Apabila pekerjaan telah tamat, pekerja terpaksa mencari pekerjaan yang lain.
 - (b) **Pengangguran teknologi** – Berlaku disebabkan oleh sektor perniagaan mengutamakan penggunaan teknologi menggantikan pekerja.
 - (c) **Pengangguran kitaran** – Majikan terpaksa mengurangkan bilangan pekerja disebabkan keadaan ekonomi yang meleset.
 - (d) **Pengangguran struktur** – Berlaku akibat perubahan dalam industri secara keseluruhan yang tidak memerlukan kemahiran pekerja.
4. Cara kerajaan mengatasi pengangguran:
 - (a) Pengangguran bermusim – Memberi insentif kepada pihak perniagaan supaya pengurusan sesebuah perniagaan membenarkan pekerja terus bekerja.
 - (b) Pengangguran teknologi – Membenarkan penggunaan mesin moden hanya untuk proses tertentu sahaja yang tidak dapat dilaksanakan oleh tenaga buruh.



- (c) Pengangguran kitaran - Menjalankan dasar fiskal dan dasar kewangan untuk mengatasi kemelesetan ekonomi.
- (d) Pengangguran struktur – Membuat perancangan ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi dan perniagaan.

Peranan kerajaan dari aspek guna ekonomi

1. Inflasi ialah fenomena kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan.
2. Cara menangani inflasi ialah:
 - (a) Meningkatkan kadar faedah.
 - (b) Melaksanakan dasar kerajaan seperti dasar fiskal menguncup, dan dasar kewangan menguncup.
3. Deflasi ialah keadaan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan.
4. Cara menangani deflasi ialah menurunkan kadar cukai, memberi khidmat nasihat dan perundangan serta melaksanakan dasar fiskal dan dasar kewangan mengembang.

2.2 Trend Persekutaran Perniagaan

1. Tiga jenis trend perniagaan:

Trend meningkat

- Aktiviti dan operasi perniagaan semakin meningkat.
- Pengaruh faktor dalaman: Pekerja yang bermotivasi tinggi, kreatif, inovatif, rajin, berdisiplin, dan berkemahiran tinggi.
- Pengaruh faktor luaran: Keadaan ekonomi berkembang, situasi politik dan perundangan yang stabil.

Trend menurun

- Aktiviti dan operasi perniagaan semakin menurun.
- Pengaruh faktor dalaman: Gaya pengurusan tidak sesuai, sumber manusia yang kurang produktif, dan aktiviti pemasaran kurang berkesan.
- Pengaruh faktor luaran: Keadaan ekonomi yang lembap dan perlahan, situasi politik dan perundangan yang tidak stabil.

Trend mendatar

- Perkembangan perniagaan berada dalam keadaan malar.
- Tiada perubahan ketara dalam faktor dalaman dan faktor luaran.

- 2. Tiga jenis pasaran, iaitu pasaran untuk semua, pasaran produk, dan pasaran kewangan.
- 3. Trend guna tenaga berubah mengikut perkembangan teknologi.
- 4. Trend pendapatan berubah mengikut hasil pendapatan yang diterima oleh isi rumah.
- 5. Trend pertumbuhan ekonomi boleh dibahagikan kepada dua, iaitu trend kemerosotan dan perkembangan.

2.3 Analisis Faktor-faktor yang Membawa Perubahan kepada Persekutaran

1. Faktor dalaman ialah faktor yang dimiliki oleh syarikat yang boleh memberi kekuatan dan kelemahan kepada organisasi.
2. Faktor dalaman terdiri daripada faktor yang berkaitan dengan gaya pengurusan, sumber manusia, pemasaran, pengeluaran, kewangan, teknologi maklumat, dan penyelidikan dan pembangunan.
3. Faktor luaran ialah faktor yang boleh memberi peluang dan ancaman kepada organisasi.
4. Faktor luaran terdiri daripada faktor politik, ekonomi, sosiobudaya, teknologi, undang-undang, dan ekologi.

2.4 Kesan Perubahan Persekutaran terhadap Organisasi Perniagaan Perniagaan

1. Kesan perubahan dari aspek pasaran ialah perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna, lambakan barang import, serta pembangunan dalam teknologi.
2. Kesan perubahan dari aspek trend meliputi kesan terhadap guna tenaga, pendapatan, dan pertumbuhan ekonomi.
3. Kesan perubahan dari aspek undang-undang ialah melindungi perniagaan daripada sebarang penipuan, mewujudkan sistem perniagaan secara adil, dan melindungi hak semua pihak di dalam perniagaan.

Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan

1.0 Pengenalan

Buku Teks ms. 1 – 8

Bab 1

- Apakah maksud perniagaan?


SP

1.1.1 Aktiviti pertukaran barang atau perkhidmatan dengan wang atau alat pertukaran lain dengan tujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia serta memperoleh keuntungan..

- Lengkapkan peta buih yang berikut.

SP
1.1.1

i-THINK Peta Buuh



- Senaraikan **dua** jenis aktiviti perniagaan berserta dengan **tiga** contoh yang sesuai.

SP

1.1.1 (a) Jenis aktiviti perniagaan: Aktiviti perniagaan berdasarkan barang

Contoh: Ekstraktif, barang pengguna, barang industri.

(b) Jenis aktiviti perniagaan: Aktiviti perniagaan berdasarkan perkhidmatan

Contoh: Peruncitan, pemborongan, profesional.



1.1 Tujuan Perniagaan

TP 1

4. Nyatakan tujuan perniagaan.

SP

1.1.1 Penawaran barang atau perkhidmatan oleh penjual kepada pembeli.

5. Gambar di bawah menunjukkan sebuah organisasi perniagaan.

SP
1.1.1

TP 1



- (a) Apakah jenis organisasi perniagaan di atas?

KBAT
Menganalisis

Organisasi bermotifkan untung.

- (b) Nyatakan tujuan penubuhan organisasi perniagaan di atas.

Penawaran barang atau perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan.

TP 1

6. Berikan **tiga** kaedah perniagaan bagi organisasi bukan bermotifkan untung.

SP

1.1.1 (a) Secara percuma.

(b) Jualan pada harga kos.

(c) Jualan pada harga di bawah kos.



1.2 Bentuk Pemilikan Perniagaan


Buku Teks ms. 17 – 32

7. Lengkapkan peta buih yang berikut.

SP
1.1.2

TP 1

i-THINK Peta Buuh



INFO



Perbandingan entiti perniagaan di Malaysia

VIDEO



Pendaftaran perniagaan baharu melalui Ezbiz Portal

8. Lengkapkan proses pendaftaran penubuhan perniagaan di bawah.

SP
1.1.2

TP 1

i-THINK Peta Alir





9. Maklumat berikut menerangkan sebuah perniagaan.

TP 3

SP
1.1.2 Encik Lee merupakan pembekal kasut sekolah di Petaling Jaya, Selangor. Dia membuka kedai dan menjalankan perniagaannya secara kecil-kecilan dengan dibantu oleh lima orang pekerjanya.

(a) Nyatakan tujuan perniagaan yang dijalankan oleh Encik Lee.

Menawarkan kasut sekolah kepada pelanggan dan memaksimumkan keuntungan.

(b) Apakah bentuk pemilikan perniagaan yang dijalankan oleh Encik Lee?

Milikan tunggal.


(c) Berdasarkan jawapan di 9(b), jelaskan ciri-ciri pemilikan perniagaan tersebut.

KBAT
Menganalisis Bersaiz kecil, mudah ditubuh dan diurus, liabiliti tidak terhad, beban cukai rendah, pemilik bebas mengurus dan membuat keputusan.

10. Gambar berikut menunjukkan perubahan pemilikan perniagaan.

TP 3

SP
1.1.2



(a) Apakah perubahan bentuk pemilikan perniagaan di atas?

KBAT
Menganalisis Berubah dari milikan tunggal menjadi syarikat sendirian berhad.



- (b) Bandingkan dua bentuk pemilikan tersebut dalam aspek bilangan pemilik, modal, dan liabiliti.

Dimensi	Miliki tunggal	Syarikat sendirian berhad
Bilangan pemilik	Seorang	2 – 50 orang
Modal	Kecil	Besar
Liabiliti	Tidak terhad	Terhad

- (c) Berikan **tiga** kelebihan dan **tiga** kelemahan perubahan bentuk pemilikan perniagaan tersebut.

KBAT
Menganalisis

Kelebihan

- (i) Modal lebih besar kerana modal dapat dikumpulkan melalui terbitan syer.
- (ii) Liabiliti terhad, iaitu menanggung kerugian setakat modal yang dilaburkan sahaja.
- (iii) Hal ehwal syarikat dapat dirahsiakan kerana laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai.

Kelemahan

- (i) Beban cukai syarikat yang tinggi berbanding dengan cukai perorangan.
- (ii) Syer tidak boleh dipindah milik secara bebas.
- (iii) Penawaran syer terhad kepada saudara dan rakan (dengan maksimum 50 orang).

**AKTIVITI PAK-21**

► Team Word - Web

TP 3

- SP** 1. Bahagikan kelas kepada empat kumpulan.
- 1.1.2 2. Setiap kumpulan bertanggungjawab menulis penerangan bagi salah satu jenis pemilikan perniagaan.
3. Penetapan jenis pemilikan perniagaan dibuat secara undian.
4. Jenis pemilikan perniagaan yang ditetapkan adalah seperti berikut:
- | | |
|-------------------------------------|----------------------|
| Kumpulan 1: Milikan tunggal | Kumpulan 3: Syarikat |
| Menganalisis Kumpulan 2: Perkongsia | Kumpulan 4: Koperasi |
5. Setiap kumpulan dibekalkan dua kertas mahjung dan tiga pen penanda yang berbeza warna.
6. Setiap kumpulan membincangkan topik masing-masing. Kemudian ketua kumpulan menulis jenis pemilikan perniagaan di tengah-tengah kertas mahjung dan memaparkannya.
7. Setiap ahli kumpulan menulis idea dalam peta minda mengikut pen penanda yang berbeza warna untuk menunjukkan sumbangan idea mereka.
8. Selepas siap, ketua kumpulan menampal hasil tugas di dinding kelas untuk dinilai oleh kumpulan lain.
9. Murid daripada kumpulan lain boleh memberi komen tentang hasil tugas tersebut dengan menampalkan *sticky notes* pada hasil kerja tersebut.

1.3 Bentuk-bentuk Perniagaan Lain

Buku Teks ms. 33 – 37

TP 1

11. Lengkapkan peta pokok di bawah.

SP
1.1.2Bentuk-bentuk perniagaan lain**i-THINK** Peta Pokok(a) Francais(b) Usaha sama

Perniagaan dikendalikan mengikut sistem yang telah ditetapkan oleh francaisor

Suatu perkongsian strategik antara dua atau lebih individu atau syarikat dan mereka bersetuju untuk bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam jangka masa yang tertentu.

12. Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

TP 3**SP**
1.1.2

Syarikat Jaya Bintang dan Syarikat Seri Yakin telah bersetuju untuk bekerjasama menubuhkan Syarikat Jaya Yakin dengan pemilikan saham sama rata.

- (a) Apakah bentuk pemilikan perniagaan di atas?

Usaha sama



(b) Senaraikan tujuan dua syarikat tersebut menjalankan kerjasama.

(i) Meningkatkan kedudukan syarikat.

(ii) Perkongsian kepakaran.

(iii) Menambahkan keuntungan perniagaan.

(c) Berikan **tiga** kelebihan dan **dua** kelemahan jenis pemilikan perniagaan tersebut.

Kelebihan

(i) Membantu perniagaan untuk memperluaskan perniagaan.

(ii) Meningkatkan dana kewangan dan tenaga kerja untuk menjalankan sesuatu projek.

(iii) Risiko perniagaan dapat dikongsi oleh kedua-dua syarikat.

Kelemahan

(i) Berlaku konflik kerana misi dan visi syarikat yang berbeza.

(ii) Perbezaan budaya dan cara pengurusan yang berbeza dalam menjalankan sesebuah perniagaan boleh membawa masalah kepada pengurusan pada masa hadapan.



1.4 Klasifikasi Perniagaan

TP 2

13. Lengkapkan peta pokok yang berikut.

SP
1.1.3

Klasifikasi perniagaan

i-THINK Peta Pokok

(a) Saiz

- (i) Kecil
- (ii) Sederhana
- (iii) Besar

(b) Sektor

- (i) Utama
- (ii) Kedua
- (iii) Ketiga

14. Nyatakan **dua** kriteria yang menentukan saiz perniagaan.

SP
1.1.3(a) Bilangan pekerja.(b) Jumlah jualan tahunan.

TP 2

15. Jawab soalan berdasarkan perniagaan di bawah.

SP
1.1.3

Kedai Runcit Sentosa

TP 2

- (a) Berikan **tiga** kelebihan dan **tiga** kekurangan saiz perniagaan di atas.

KBAT
Menganalisis

Kelebihan

- (i) Modal penubuhan rendah.
- (ii) Mudah diuruskan.
- (iii) Kos operasi rendah.

Kekurangan

- (i) Modal terhad.
- (ii) Kos seunit tinggi.
- (iii) Menanggung semua risiko perniagaan.

- (b) Nyatakan **dua** cabaran perniagaan di atas.

- (i) Menanggung semua bebanan kerja.
- (ii) Menghadapi masalah aliran wang tunai.

TP 2

16. Terangkan klasifikasi perniagaan dari aspek sektor perniagaan.

SP

1.1.3 (a) Sektor utama (primer)

Aktiviti yang mengeluarkan sumber alam semula jadi dari perut bumi atau permukaan bumi tanpa mengubah bentuk asal sumber tersebut.

(b) Sektor kedua (sekunder)

Aktiviti yang memproses sumber alam semula jadi untuk djadikan barang separuh siap atau barang siap.

(c) Sektor ketiga (tertier)

Aktiviti yang menawarkan produk tidak ketara, iaitu perkhidmatan kepada sektor utama dan sektor kedua.

17. Lengkapkan jadual di bawah.

TP 2**SP**
1.1.3

Sektor	Aktiviti perniagaan
Sektor utama (primer)	Pertanian (a) Perikanan (b) Perlombongan (c) Pembalakan
(d) Sektor kedua (sekunder)	Perkilangan Pembuatan (e) Pemasangan (f) Pembinaan
Sektor ketiga (tertier)	(g) Pemborongan (h) Peruncitan Kewangan Profesional



1.5 Skala Perniagaan

TP 4

18. Lengkapkan peta pokok yang berikut.

SP
1.1.4

Skala perniagaan

i-THINK Peta Pokok

(a) Domestik

- (i) Tempatan
- (ii) Negeri
- (iii) Kebangsaan

(b) Antarabangsa

- (i) Zon
- (ii) Global

19. Pernyataan berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan dari aspek skala perniagaan.

SP
1.1.4 Tandakan (✓) atau (✗) bagi pernyataan di bawah.

TP 4

Pernyataan	✓ atau ✗
(a) Perniagaan berskala negeri bersaiz sederhana serta memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat setempat di beberapa buah negeri.	✗
(b) Perniagaan berskala kebangsaan bersaiz besar serta menikmati ekonomi bidangan dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan.	✓
(c) Perniagaan berskala zon bersaiz besar serta menembusi pasaran antarabangsa di beberapa kawasan tertentu.	✓

1.6

Perkaitan antara Penawaran Barang dan Perkhidmatan, Bentuk Pemilikan, Klasifikasi dan Skala Perniagaan

20. Layari laman web Top Glove Corporation Berhad di <https://www.topglove.com/corporate-profile>.

SP
1.1.5 Kemudian lengkapkan jadual yang berikut.

TP 5

Penawaran barang dan perkhidmatan	(a) Barang
Jenis pemilikan	(b) Syarikat awam berhad
Saiz perniagaan	(c) Besar
Skala perniagaan	(d) Kebangsaan
Klasifikasi perniagaan	(e) Sektor kedua

TP 6

21. Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan sebuah perniagaan.

SP

1.1.5

KBAT

Menganalisis

Pada tahun 2020, Encik Azri telah menubuhkan sebuah pasar raya mini, Azri Mart di Bayan Baru, Pulau Pinang. Perniagaan ini bertujuan untuk menawarkan pelbagai barang keperluan dan barang pengguna kepada komuniti setempat. Hasil jualan tahunan Azri Mart pada tahun yang sama ialah RM250 000.

Pada permulaan tahun 2024, Encik Azri membuka dua buah cawangan lagi di Bayan Lepas dan Georgetown. Lantaran itu, dia mengajak dua orang rakannya, iaitu Encik Amir dan Encik Azlan bersama-sama untuk mengusahakan perniagaan tersebut. Nama perniagaan itu ditukar kepada 3A Mart. Pada akhir tahun, 3A Mart mencapai hasil jualan tahunan sebanyak RM850 000.

Berdasarkan maklumat di atas, lengkapkan jadual yang berikut.

Dimensi	Tahun 2020	Tahun 2024
Penawaran barang dan perkhidmatan	(a) Barang	(f) Barang
Jenis pemilikan	(b) Milikan tunggal.	(g) Perkongsian
Saiz perniagaan	(c) Kecil	(h) Sederhana
Skala perniagaan	(d) Tempatan	(i) Negeri
Klasifikasi perniagaan	(e) Ketiga	(j) Ketiga

1.7


Perkembangan Sektor Perniagaan di Malaysia

Buku Teks ms. 54 – 55

22. Lengkapkan perkembangan perniagaan yang berikut.

SP

1.1.6



KBAT EKSTRA



MODUL SPM

UJIAN

SKOP

HALAMAN

UJIAN 1 Bab 1 54

UJIAN 2 Bab 2 59

UJIAN 3 Bab 3 65

UJIAN 4 Bab 4 71

**PENTAKSIRAN
AKHIR TAHUN** Bab 1 – Bab 4 77

Jangan lupa Pelangi Online Test (POT)
untuk latihan ekstra!



<https://qr.pelangibooks.com/?u=POTP4>

Enrolment key: vNk\$UTt6



UJIAN 1**KERTAS****1***Pilih jawapan yang paling tepat.*

1. Maklumat berikut berkaitan dengan konsep asas perniagaan.

BAB
1
Buku Teks
ms. 5

Aktiviti urus niaga yang melibatkan tindakan pembeli memberikan sesuatu yang bernilai kepada penjual sebagai balasan kepada produk yang diperoleh.

Apakah konsep asas perniagaan tersebut?

- A Pertukaran nilai
- B Kontrak perniagaan
- C Keuntungan perniagaan
- D Barang dan perkhidmatan

2. Gambar 1 menunjukkan aktiviti perniagaan.

BAB
1
Buku Teks
ms. 8

Gambar 1

Aktiviti di atas ialah aktiviti perniagaan berasaskan

- | | |
|-----------------------------------|--------------------------------------|
| <input type="radio"/> A barang | <input type="radio"/> C kehendak |
| <input type="radio"/> B keperluan | <input type="radio"/> D perkhidmatan |

3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri sebuah organisasi.

BAB
1
Buku Teks
ms. 15

- Menawarkan barang dan perkhidmatan secara percuma, pada harga kos atau di bawah harga kos.
- Bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan.

Apakah jenis organisasi tersebut?

- A Organisasi perkongsian
- B Organisasi milikan tunggal
- C Organisasi bermotifkan untung
- D Organisasi bukan bermotifkan untung

4. Gambar 2 menunjukkan sejenis pemilikan perniagaan.

BAB
1
Buku Teks
ms. 19

Gambar 2

Apakah borang yang perlu dipamerkan di premis perniagaan di atas?

- A Borang D
- B Borang A
- C Borang 9
- D Borang 13 A

5. Mengapakah peniagaan milikan tunggal merupakan jenis perniagaan yang paling popular di Malaysia?

- A Mudah ditubuhkan
- B Tiada risiko perniagaan
- C Mempunyai liabiliti terhad
- D Mudah memperoleh keuntungan

6. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis rakan kongsi dalam perkongsian.

BAB
1
Buku Teks
ms. 21

Nama digunakan sebagai rakan kongsi tanpa mengeluarkan modal dan perlu menanggung liabiliti yang tidak terhad.

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A Rakan kongsi lelap
- B Rakan kongsi biasa
- C Rakan kongsi aktif
- D Rakan kongsi nominal

7. Apakah kelebihan perkongsian berbanding dengan milikan tunggal?

- A Mudah ditubuhkan
- B Liabiliti tidak terhad
- C Berkongsi kepakaran
- D Cukai pendapatan perseorangan



8. Gambar 3 menunjukkan sejenis pemilikan perniagaan.

BAB
1
ms. 28



Gambar 3

Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri perniagaan tersebut?

- I Modal yang besar
 - II Liabiliti tidak terhad
 - III Tidak bebas pindah milik syer
 - IV Jangka hayat berterusan
- A** I dan II
(B) I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9. Apakah persamaan syarikat awam berhad dengan syarikat sendirian berhad?

BAB
1
Buku Teks
ms.
28-29

- I Liabiliti tidak terhad
 - II Kewujudan kekal
 - III Menikmati ekonomi bidangan
 - IV Dimiliki oleh orang persendirian
- A** I dan II **(C)** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

10. Apakah tujuan penubuhan koperasi?

BAB
1
Buku Teks
ms. 29

- A Memaksimumkan keuntungan
- B Menawarkan barang percuma
- C Menjalankan tanggungjawab sosial
- D Menjaga kepentingan dan kebijakan bersama

11. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan francaisi kepada francaisor?

BAB
1
Buku Teks
ms. 33

- A Membayar royalti
- B Mengawal mutu perkhidmatan
- C Memberi sokongan promosi dan pentadbiran
- D Menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk baharu

12. Apakah kekurangan jika dua organisasi perniagaan mengadakan perniagaan usaha sama?

BAB
1
Buku Teks
ms. 37

- A Bertambah dana
- B Berlakunya konflik
- C Peningkatan pengeluaran
- D Berkongsi risiko perniagaan

13. Maklumat berikut berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

BAB
1
Buku Teks
ms. 37

Dua atau lebih syarikat yang membentuk satu perikatan yang bertujuan untuk bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam tempoh masa tertentu.

Apakah pemilikan perniagaan tersebut?

- A Francais
- (B)** Usaha sama
- C Perkongsian
- D Pakatan strategik

14. Maklumat berikut berkaitan dengan saiz perniagaan.

BAB
1
Buku Teks
ms. 39

Syarikat Hasrol merupakan sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan pembantu rumah. Jualan tahunan perkhidmatannya ialah RM2 juta. Bilangan pekerja ialah 25 orang.

Berdasarkan maklumat tersebut, Syarikat Hasrol ialah sebuah syarikat yang bersaiz

- (A)** kecil
- B mikro
- C besar
- D sederhana

15. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kekurangan perniagaan bersaiz kecil?

BAB
1
Buku Teks
ms. 40

- A Mudah diuruskan
- B Kos upah yang lebih tinggi
- (C)** Kos pengeluaran seunit yang tinggi
- D Kefleksibelan membuat keputusan

16. Apakah cabaran perniagaan bersaiz besar?

BAB
1
Buku Teks
ms. 45

- (A)** Ketidakpastian pasaran
- B Masalah aliran tunai
- C Tiada pengkhususan kerja
- D Pemilik perniagaan menanggung semua beban kerja

17. Gambar 4 berkaitan dengan aktiviti sejenis sektor perniagaan.

BAB
1
Buku Teks
ms. 46



Gambar 4



Apakah jenis sektor perniagaan tersebut?

- A Sektor produk
- B** Sektor primer
- C Sektor tertier
- D Sektor sekunder

18. Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti di suatu sektor perniagaan.


BAB 1
Buku Teks ms. 48

- Peruncitan
- Pemborongan

Aktiviti di atas dapat memberi sokongan kepada

- I sektor produk
- II sektor tertier
- III sektor primer
- IV sektor sekunder
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

19. Rajah 1 menunjukkan skala perniagaan.



Apakah X?

- A Eksport
- B Domestik
- C Multinasional
- D** Antarabangsa

20. Apakah sektor yang berkembang dengan pesat menjelang abad ke-21?

BAB 1
Buku Teks ms. 55

- A Pertanian
- B Pembuatan
- C Perindustrian
- D** Perkhidmatan

KERTAS 2

BAHAGIAN A

1. (a) Terangkan konsep asas perniagaan di bawah:

BAB 1
Buku Teks ms. 5

- (i) Memuaskan keperluan dan kehendak pengguna
- (ii) Kontrak perniagaan

[2 markah]

[2 markah]

BAB 1
Buku Teks ms. 23

(b) Terangkan **tiga** ciri Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

[6 markah]

2. (a) Nyatakan **tiga** kepentingan keuntungan kepada perniagaan.

[3 markah]

BAB 1
Buku Teks ms. 14

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis rakan kongsi.

BAB 1
Buku Teks ms. 21

Seorang artis terkenal merasmikan pembukaan kedai yang menggunakan namanya sebagai nama perniagaan.

Namakan dan terangkan jenis rakan kongsi di atas.

[4 markah]



BAB
1
Buku Teks
ms.
45-46

- (c) Gambar 1 berkaitan dengan sejenis sektor perniagaan.



Gambar 1

Nyatakan dan terangkan sektor perniagaan di atas.

[3 markah]

BAHAGIAN B

3. (a) Gambar 2 menunjukkan logo perniagaan.

BAB
1
Buku Teks
ms.
22-28



Gambar 2

Kenal pasti dan senaraikan **tiga** ciri umum perniagaan tersebut.

[4 markah]

- (b) Senaraikan **lima** proses pendaftaran penubuhan milikan tunggal.

[5 markah]

BAB
1
Buku Teks
ms. 19

- (c) Gambar 3 menunjukkan sebuah perniagaan.

BAB
1
Buku Teks
ms. 28



Gambar 3

Terangkan **tiga** kelebihan perniagaan di atas.

[6 markah]



BAHAGIAN C

4. Pink House ialah sebuah kedai berlokasi di Ipoh, perak. Pink House menjalankan aktiviti menjual pakaian kanak-kanak. Masa operasi Pink House ialah dari pukul 10 pagi hingga 8 malam setiap hari. Pengusahanya, Lily Tan merupakan seorang usahawan yang telah menceburi bidang pakaian kanak-kanak selama 5 tahun. Kebanyakan pelanggan Pink house terdiri daripada penduduk setempat. Untuk memenuhi cita rasa pelanggan yang pelbagai, Lily Tan berusaha untuk mendapat bekalan baju kanak-kanak dari luar negara seperti Thailand, Vietnam, Indonesia, dan China.
- Setelah beroperasi beberapa tahun kemudian, Pink House telah memperoleh keuntungan sebanyak RM20 ribu sebulan. Dengan keuntungan tersebut, Lily Tan telah membesar saiz kedai dengan menyewa sebuah kedai lagi yang bersebelahan dengan kedainya. Selain itu, dia juga mengajak seorang rakannya Grace Yeong untuk berkongsi modal perniagaan Pink House. Grace Yeong merupakan seorang pereka pakaian kanak-kanak. Akibatnya, Pink House mulai menerima tempahan baju kanak-kanak.
- Setelah perniagaan semakin berkembang, Pink House menambah bilangan pekerja dari 3 orang kepada 10 orang. Pekerja-pekerja tersebut bertugas untuk membantu menjahit baju kanak-kanak. Pada masa yang sama, Lily Tan juga mengembangkan perniagaan ke seluruh Malaysia dengan membina sebuah laman web Pink House untuk perniagaan dalam talian. Selain itu, dia juga menggunakan media sosial seperti Instagram dan Facebook untuk mempromosikan produknya.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

BAB
1
Buku Teks
ms.
18-20

- (a) Senaraikan **lima** ciri-ciri milikan tunggal. [5 markah]

BAB
1
Buku Teks
ms.
22

- (b) Terangkan **tiga** kelebihan yang dinikmati oleh Pink House selepas mengubah perniagaannya dari milikan tunggal kepada perkongsian. [6 markah]

BAB
1
Buku Teks
ms.
39-41

- (c) Kenal pasti saiz perniagaan Pink House dan terangkan **dua** cabaran perniagaan bersaiz tersebut. [5 markah]

BAB
1
Buku Teks
ms.
50

- (d) Kenal pasti skala perniagaan terkini Pink House dan terangkan. [4 markah]

PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Skor
/100

Kertas 1

1 jam 15 minit
[40 markah]

Arahan: Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C**, dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan konsep asas perniagaan.

Penjual menawarkan barang dan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna di samping memperoleh keuntungan.

Apakah konsep asas perniagaan tersebut?

- A Pertukaran nilai
- B Penjual dan pengguna
- C Barang dan perkhidmatan
- D Memuaskan keperluan dan kehendak pengguna

2. Apakah kepentingan keuntungan kepada organisasi perniagaan?

- A Kekal beroperasi
- B Mewujudkan peluang pekerjaan
- C Menjalankan tanggungjawab sosial
- D Mempelbagaikan barang dan perkhidmatan

3. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan tujuan penubuhan organisasi bukan bermotifkan untung?

- A Mengeluarkan barang berkualiti tinggi
- B Menambahkan pilihan barang di pasaran
- C Menjaga kepentingan ahli dan kebajikan masyarakat
- D Menawarkan perkhidmatan percuma kepada golongan berkemampuan

4. Gambar 1 menunjukkan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Apakah kelebihan bentuk pemilikan perniagaan itu?

- A Perniagaan berkekalan
- B Bebas membuat keputusan
- C Pekongsi menanggung liabiliti terhad
- D Berkongsi kepakaran

5. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan.

- Pemilik menanggung liabiliti terhad.
- Kerjasama antara dua atau lebih individu.
- Milikan boleh dipindah milik tanpa kebenaran ahli lembaga pengarah.

Apakah bentuk pemilikan tersebut?

- A Koperasi
- B Syarikat awam berhad
- C Syarikat sendirian berhad
- D Perkongsian Liabiliti Terhad



6. Antara yang berikut, yang manakah tanggungjawab francais dalam perniagaan francais?

- I Menjalankan promosi produk
 - II Melaksanakan penyelidikan produk
 - III Menanggung sebahagian kos operasi francais
 - IV Memberikan bantuan kewangan kepada francais
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Apakah tujuan utama menjalankan perniagaan usaha sama?

- A** Perkongsian risiko
- B** Perkongsian kepakaran
- C** Perkongsian keuntungan
- D** Perkongsian pencapaian projek

8. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan perkhidmatan berdasarkan saiz.

- I Bilangan pekerja 30 orang hingga kurang daripada 75 orang.
- II Jualan tahunan RM300 000 hingga kurang daripada RM3 juta.

Klasifikasi manakah yang tepat?

	I	II
A	Kecil	Kecil
B	Kecil	Sederhana
C	Sederhana	Kecil
D	Sederhana	Sederhana

9. Encik Saifu mempunyai sebuah restoran yang dibantu oleh 15 orang pekerja. Apakah cabaran yang mungkin dihadapi oleh perniagaan Encik Saifu?

- A** Kos overhead yang rendah
- B** Modal penubuhan yang rendah
- C** Ekonomi bidangan yang rendah
- D** Kos pengeluaran seunit yang rendah

10. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan sektor primer?

- A** Fatri menternak ikan di kolam
- B** Lokman menjual ikan di pasar
- C** Suhaida menghantar ikan ke pasar
- D** Kassim memproses ikan dijadikan keropok

11. Pernyataan manakah yang **benar** tentang hubung kait antara ketiga-tiga sektor perniagaan?

- A** Sektor ketiga membantu sektor kedua memasarkan barang
- B** Sektor ketiga membantu sektor kedua memasang komponen
- C** Sektor kedua membantu sektor ketiga memproses bahan mentah
- D** Sektor kedua membantu sektor utama mengangut bahan mentah

12. Pernyataan manakah yang benar tentang skala perniagaan kebangsaan?

- A** Merupakan syarikat multinasional
- B** Mempelbagaikan barang dan perkhidmatan
- C** Mengamalkan campuran pemasaran yang kompleks
- D** Memenuhi keperluan dan kehendak kebangsaan dan antarabangsa

13. Maklumat berikut menunjukkan beberapa contoh akta dalam perniagaan.

- Akta Kontrak 1950.
- Akta Sewa Beli 1967.

Apakah tujuan setiap akta digubal?

- A** Mengembangkan aktiviti perniagaan
- B** Menyediakan pembiayaan perniagaan
- C** Menggalakkan rakyat Malaysia mencebur perniagaan
- D** Mengawal perjalanan aktiviti perniagaan bagi mengatasi isu tempatan, negara, dan serantau

14. Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Sabri.

Encik Sabri ialah pengeluar pelbagai jenis produk hasil kraf tangan. Beliau ingin mengeksport keluarannya ke Eropah. Namun, beliau tidak mempunyai maklumat pengimport produk hasil kraf tangan tempatan di Eropah.